

SARAWAK INVENTION,  
INNOVATION & DESIGN**EXPO****SIIDEx 2018**

# PALANQUIN

Sarawak mempunyai kepelbagaian kaum dan etnik. Kepelbagaian ini membawa kepada kekayaan adat dan budaya. Seringkali apabila disebut Sarawak, etnik majoriti seperti Iban membayangkan kita pada upacara gawainya mahupun upacara gawai hantu. Ini keunikan dan kekayaan yang ada pada Sarawak. Namun, masyarakat Melayu di Sarawak juga punya adat yang masih diamalkan tetapi tidak mendapat dokumentasi yang sepatutnya. Sudah menjadi adat dan budaya apabila anak-anak masyarakat pesisir ini menamatkan pengajian Al-Quran mereka, majlis khatam Al-Quran akan diadakan. Di sini, kita boleh melihat budaya perarakan Palanquin atau Usungan/Tandu ini dijalankan.

## APA ITU PALANQUIN

Mengikut Kamus Pelajar Edisi Kedua bahawa Usungan: alat untuk mengusung dan benda yang diusung. Manakala Tandu pula ialah alat yang berupa kerusi untuk mengusung orang. Masyarakat persisir di daerah Kabong misalnya, biasa menggunakan kata Usungan untuk perarakan tersebut. Manakala daerah Mukah/Dalat lebih biasa memanggil Tandu.

## OBJEKTIF


- Mengenalpasti definisi Usungan/Tandu dalam konteks amalan perarakan Majlis Khatam Al-Quran di masyarakat persisiran Sarawak
- Merekodkan rekaan Usungan/Tandu dalam konteks Seni Visual untuk kelestarian adat dan budaya masyarakat persisiran Sarawak
- Mengetengahkan hasil dokumentasi rekaan Usungan/Tandu kepada generasi kini dan masa hadapan.

## SASARAN

- Sektor Pelancongan
- Pelancong
- Sektor Seni dan Kraf
- Pencinta Seni
- Generasi Muda

## POTENSI PENGKOMERSIALAN

- Fridge Magnet
- Key Chain
- Arca Mini
- Perhiasan Rumah



## Ahli Kumpulan

Mohamad Faizuan bin Mat, Siti Shahida Bt Kamel,  
Noorhaslina Bt Senin, Maizatul Nurhuda Saadon,  
Mohamad Zamhari bin Abolhassan

MINISTRY OF EDUCATION, SCIENCE  
AND TECHNOLOGICAL RESEARCH  
SARAWAK

Supported by

KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Main organisers

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA